



TIMBALAN KETUA PENDAFTAR (IPTS)
DEPUTY REGISTRAR GENERAL (PRIVATE HEIs)
Jabatan Pendidikan Tinggi
Department of Higher Education
Aras 9, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88706401
Faks: 603-88706842
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>

Ruj. Kami : JPT/BPP/1000-2/3 Jld. (39)
Tarikh : 14 Februari 2017

Semua Ketua Eksekutif Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PENGEMASKINIAN MAKLUMAT OLEH INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS) DALAM SISTEM e-IPTS

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa berusaha meningkatkan kualiti sistem penyampaian pendidikan tinggi selaras dengan Lonjakan 10: Transformasi Pendidikan Tinggi, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Bagi mencapai hasrat tersebut, KPT telah membangunkan sistem permohonan secara atas talian IPTS yang dijenamakan sebagai e-IPTS yang dahulunya dikenali sebagai IFMS.
3. Seperti YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan sedia maklum, sistem e-IPTS ini mempunyai 5 modul iaitu Modul Ketua Eksekutif, Modul Pendaftaran Institusi, Modul Tenaga Pengajar, Modul Kursus Pengajian dan Modul Pelajar yang dijangka diaplikasi sepenuhnya pada pertengahan tahun ini.
4. Sehubungan itu, YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan dimohon untuk mengemaskini data-data dalam 5 modul tersebut selewat-selewatnya pada 15 Mac 2017, seperti tertakluk di bawah Sekyen 33 (c), Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555).

5. Untuk pertanyaan lanjut berkenaan perkara ini, YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan boleh mengajukan pertanyaan melalui ifmshelpdesk@utem.edu.my. Kerjasama YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan berkenaan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DR. MOHD NOR AZMAN BIN HASSAN)

Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi

s.k:

1. Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
2. Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat (BPI)
Jabatan Pendidikan Tinggi
3. Pengarah
Bahagian Governan Swasta (BGS)
Jabatan Pendidikan Tinggi
4. Pengarah
Bahagian Pendaftaran dan Piawaian (BPP)
Jabatan Pendidikan Tinggi